



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN YANG LAYAK DAN
PENGIRAAN ELAUN MODAL**

KETETAPAN UMUM NO. 6/2015

TARIKH PENERBITAN: 27 OGOS 2015



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN
YANG LAYAK DAN
PENGIRAAN ELAUN MODAL**

**Ketetapan Umum No. 6/2015
Tarikh Keluaran: 27 Ogos 2015**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2015 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN
YANG LAYAK DAN
PENGIRAAN ELAUN MODAL**

**Ketetapan Umum No. 6/2015
Tarikh Keluaran: 27 Ogos 2015**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	2
5. Perbelanjaan yang Layak	2
6. Orang yang Layak Mendapat Elaun Modal	22
7. Bila Perbelanjaan yang Layak Dilakukan	22
8. Aset yang Mempunyai Jangka Hayat Kurang Daripada Dua (2) Tahun	22
9. Ringkasan Pindaan	23

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan –

- (a) layanan cukai berhubung dengan perbelanjaan loji dan jentera yang layak bagi tujuan tuntutan elaun modal; dan
- (b) pengiraan elaun modal bagi perbelanjaan loji dan jentera.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 2, 2A, 2C, 2D, 10, 13A, 15, 46, 55(b), 67, 67C dan 68 Jadual 3.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aset” bermaksud loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan dan perbelanjaan yang layak telah dilakukan berhubung dengannya.
- 3.2 “Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan termasuk mana-mana pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang diberi kuasa sewajarnya oleh beliau.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Perbelanjaan bakian” bermaksud kos aset tolak –
 - (a) elaun permulaan; dan
 - (b) elaun tahunan; atau
 - (c) elaun nosional yang bersamaan dengan elaun tahunan jika dituntut atau yang boleh dituntut.
- 3.5 “Perbelanjaan yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk mengadakan, membina atau membeli loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan selain daripada aset yang mempunyai jangka hayat kurang daripada dua (2) tahun.

- 3.6 "Pertanian" bermaksud apa-apa jenis penanaman tanaman, penternakan haiwan, akuakultur, perikanan air tawar dan apa-apa usaha pertanian atau penternakan yang lain.

4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

Elaun modal dibenarkan kepada orang yang melakukan perbelanjaan yang layak (PYL) ke atas aset yang digunakan untuk tujuan perniagaannya dan dituntut secara bertulis dalam Borang Nyata Cukai Pendapatannya. Jumlah PYL yang dilakukan akan digunakan dalam pengiraan elaun permulaan (EP) dan elaun tahunan (ET) di bawah Jadual 3 ACP.

5. Perbelanjaan yang Layak

- 5.1 Selain daripada kos loji atau jentera yang diambil kira sebagai PYL, perbelanjaan sampingan yang dilakukan untuk menyediakan loji dan jentera juga termasuk sebagai PYL bagi tuntutan elaun modal. Perbelanjaan sampingan tersebut tidak termasuk perbelanjaan hasil yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Perbelanjaan sampingan yang layak adalah seperti berikut:

- (a) Perbelanjaan yang dilakukan untuk mengubah suai sesebuah bangunan yang sedia ada bagi tujuan memasang loji atau jentera dan lain-lain perbelanjaan sampingan yang dilakukan yang berkaitan dengan pemasangan tersebut.

Contoh 1

Meijun Sdn Bhd telah membeli sebuah mesin baharu dengan harga RM500,000. Untuk mengawal bunyi mesin yang kuat daripada didengari di tingkat lain, bangunan yang sedia ada perlu diubahsuai bagi memasang dinding kalis bunyi. Kos ubah suai tersebut berjumlah RM150,000.

Kos mesin dan kos ubah suai tersebut adalah PYL.

- (b) Perbelanjaan yang dilakukan bagi menyediakan, memotong, membuat terowong atau meratakan tanah untuk menyediakan suatu tapak bagi memasang loji atau jentera dengan syarat perbelanjaan menyediakan tapak tidak melebihi 10% daripada kos agregat loji atau jentera serta kos menyediakan tapak.

Contoh 2

Sebuah jentera pemukul telur berharga RM150,000 telah dipasang di dalam kilang roti dan kek. Suatu tapak disediakan bagi jentera tersebut dan kos menyediakan tapak itu adalah RM10,000 dalam senario 1 dan RM20,000 dalam senario 2.

	Senario 1 RM	Senario 2 RM
Kos jentera	150,000	150,000
Kos penyediaan tapak	10,000	20,000
Kos agregat	160,000	170,000
10% atas kos agregat	16,000	17,000

Senario 1

Kos penyediaan tapak RM10,000 tidak melebihi 10% daripada kos agregat (RM16,000). Maka, RM10,000 dianggap sebagai sebahagian daripada kos jentera. PYL bagi tuntutan elaun modal adalah RM160,000.

Senario 2

Kos penyediaan tapak RM20,000 melebihi 10% daripada kos agregat (RM17,000). Maka, tiada elaun modal akan diberi bagi kos sedia tapak berjumlah RM20,000 ini. PYL bagi tuntutan elaun modal adalah RM150,000.

- (c) Perbelanjaan yang dilakukan bagi kolam ikan, kandang haiwan, reban ayam, sangkar, bangunan dan pengelokan struktur lain di dalam kawasan yang digunakan bagi tujuan ternakan ayam itik, haiwan, industri perikanan air tawar dan lain-lain usaha pertanian atau penternakan.

Peruntukan ini tidak terpakai jika bangunan tersebut digunakan sebagai tempat kediaman seorang pengarah, seorang individu yang mengawal perniagaan, seseorang yang menjadi ahli lembaga pengurusan dan pekerja pentadbiran atau perkeranian.

Contoh 3

Sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti penternakan ikan air tawar telah membelanjakan sebanyak RM45,000 untuk pembelian pam campuran ubat rawatan ikan, pam pembersihan air dan mesin pengisar makanan ikan.

Kos perbelanjaan RM45,000 adalah PYL.

5.2 Kenderaan

- (a) PYL bagi kenderaan yang dilesenkan untuk pengangkutan barangan atau penumpang secara komersial adalah harga tunai kenderaan yang termasuk aksesori asas¹ dan yuran pendaftaran yang diwajibkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Malaysia.

Perbelanjaan yang tidak layak bagi tuntutan elaun modal untuk kenderaan adalah seperti berikut:

- (i) cukai jalan, insurans dan faedah sewa beli kerana perbelanjaan tersebut merupakan perbelanjaan berulang-ulang yang boleh dibenarkan sebagai perbelanjaan di bawah subseksyen 33(1) ACP; dan
- (ii) harga tempahan nombor pendaftaran kenderaan termasuk nombor yang ditender berserta yuran perkhidmatan kerana ianya merupakan perbelanjaan persendirian.

¹ Aksesori asas adalah aksesori yang ditawarkan oleh semua penjual kenderaan. Aksesori pilihan atau aksesori yang ditawarkan oleh hanya sebahagian penjual kenderaan tidak termasuk dalam kategori ini.

Contoh 4

Miamira Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Disember) membeli sebuah kenderaan komersial secara sewa beli pada 02.01.2014 dan menggunakannya dalam perniagaannya. Perjanjian sewa beli dibuat dengan Bank Hasil seperti berikut:

	RM
Kos kenderaan termasuk aksesori	110,000
Yuran wajib pendaftaran	*300
Yuran pendaftaran bagi tempahan nombor popular termasuk yuran perkhidmatan (RM10.00)	*310
Insurans dan cukai jalan	2,000
Deposit pada 02.01.2014	15,000
Faedah sewa beli	9,600
Bilangan ansuran	48 bulan
Bayaran ansuran sebulan dengan faedah sewa beli	2,185

*Nota : Jumlah yuran yang digunakan dalam Contoh 4 ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Pengiraan PYL:

	RM
Kos kenderaan termasuk aksesori	110,000
(+)Yuran pendaftaran wajib yang dikenakan oleh JPJ, Malaysia	300
PYL	110,300
(-) Deposit	15,000
Perbelanjaan modal untuk bayaran ansuran	95,300

Faedah sewa beli = $RM9,600 / 48$ = RM200 sebulan

Ansuran sebulan = $RM95,300 / 48$ = RM1,985 untuk 47 ansuran; dan
RM 2,005 untuk ansuran terakhir

Pengiraan elaun modal:

Tahun Taksiran 2014	RM	
PYL	110,300	
Deposit	15,000	
(+) Bayaran ansuran (RM1,985 X 12 bulan)	23,820	38,820
EP (RM38,820 X 20%)	7,764	
ET (RM38,820 X 20%)	7,764	15,528
Perbelanjaan bakian		23,292
Tahun Taksiran 2015		
Bayaran ansuran (RM1,985 X 12 bulan)		23,820
		47,112
EP (RM23,820 X 20%)	4,764	
ET (RM62,640 X 20%)	12,528	17,292
Perbelanjaan bakian		29,820
Tahun Taksiran 2016		
Bayaran ansuran (RM1,985 X 12 bulan)		23,820
		53,640
EP (RM23,820 X 20%)	4,764	
ET (RM86,460 X 20%)	17,292	22,056
Perbelanjaan bakian		31,584
Tahun Taksiran 2017		
Bayaran ansuran (RM1,985 X 11 bulan)	21,835	

Bayaran ansuran (RM2,005 X 1 bulan)	2,005	23,840
		55,424
EP (RM23,840 X 20%)	4,768	
ET (RM110,300 X 20%)	22,060	26,828
Perbelanjaan bakian		28,596
Tahun Taksiran 2018		
ET (RM110,300 X 20%)		22,060
Perbelanjaan bakian		6,536
Tahun Taksiran 2019		
ET (terhad kepada)		6,536
Perbelanjaan bakian		0

(b) PYL untuk sebuah kenderaan yang tidak dilesenkan untuk pengangkutan perdagangan barangan atau penumpang secara komersial dihadkan kepada RM100,000 dengan syarat:

- (i) kenderaan adalah baharu; dan
- (ii) jumlah kos kenderaan tidak melebihi RM150,000.

Sekiranya syarat-syarat di atas tidak dipenuhi, PYL adalah terhad kepada RM50,000.

Dalam perenggan ini—

- (a) “Baharu” merujuk kepada kenderaan yang tidak pernah digunakan dan tidak termasuk kenderaan terpakai atau kenderaan dibaik pulih.
- (b) “Baik pulih” merujuk kepada kenderaan terpakai yang dibaik pulih dengan penukaran sebahagian atau kesemua alatan gantian dengan yang baharu atau hampir baharu. Walau bagaimanapun, tidak kesemua kenderaan terpakai adalah kenderaan yang dibaik pulih.

Contoh 5

Eden Sdn Bhd telah membeli sebuah kenderaan pacuan empat roda pada 22.03.2014 berharga RM145,000. Kenderaan tidak dilesenkan sebagai satu kenderaan komersial.

Syarikat menuntut elaun modal atas perbelanjaan berjumlah RM145,000 dengan alasan bahawa kenderaan tersebut digunakan untuk mengangkut barangan perniagaan syarikat walaupun tidak dilesenkan untuk berbuat demikian.

Walaupun kenderaan tersebut digunakan untuk pengangkutan barangan dan kedua-dua syarat yang dinyatakan di atas dipenuhi tetapi kenderaan tidak dilesenkan sebagai kenderaan komersial, maka PYL adalah dihadkan kepada RM100,000.

Contoh 6

Madu Asli Sdn Bhd membeli sebuah kenderaan terpakai pada Januari 2015 berharga RM90,000. Kenderaan tidak dilesenkan sebagai satu kenderaan perdagangan.

PYL bagi kenderaan tersebut untuk tahun taksiran 2015 adalah terhad kepada RM50,000 kerana salah satu syarat yang dinyatakan di atas iaitu kenderaan baharu, tidak dipenuhi.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti di Contoh 6 kecuali kenderaan yang dibeli adalah kenderaan baharu.

PYL bagi kenderaan tersebut untuk tahun taksiran 2015 adalah RM90,000.

Contoh 8

Sebuah van yang dibaik pulih telah dibeli oleh Jaya Sdn Bhd dengan harga RM75,000 untuk pengangkutan pekerja syarikat dan ianya tidak dilesenkan sebagai kenderaan komersial. Van tersebut telah dibaik pulih sepenuhnya dengan alat-alat ganti yang berkualiti tinggi dan telah menjalani ujian fungsi dan keselamatan sehingga van itu hampir menyerupai dengan van yang 'baharu'. Syarikat menuntut elaun modal atas perbelanjaan berjumlah RM75,000 dengan alasan van yang dibeli patut dikategorikan sebagai 'baharu'.

Suatu van yang dibaik pulih tidak boleh dikategorikan sebagai 'baharu', maka PYL bagi van tersebut adalah terhad kepada RM50,000.

5.3 Aset Sewa Beli

Seseorang yang memperoleh aset melalui perjanjian sewa beli adalah bukan pemilik yang sah aset tersebut sehingga orang itu telah menjelaskan sepenuhnya bayaran ansuran akhir. Walau bagaimanapun, bagi tujuan elaun modal, orang itu adalah disifatkan sebagai pemilik aset tersebut jika aset itu digunakan bagi tujuan perniagaannya.

PYL yang dilakukan oleh seseorang dalam mana-mana tempoh asas adalah bahagian ansuran modal yang dibayar di dalam tempoh asas tersebut mengikut syarat-syarat perjanjian sewa beli. Elaun modal dikira berdasarkan bayaran ansuran yang telah dibuat sahaja. Sila rujuk Contoh 4 bagi pengiraan elaun modal untuk aset yang dibeli secara sewa beli.

5.4 Aset yang telah Diguna

5.4.1. Perenggan 2A Jadual 3 terpakai dalam keadaan seseorang yang pada mulanya telah menggunakan loji atau jentera bukan untuk tujuan perniagaannya dan kemudian loji dan jentera tersebut digunakan bagi tujuan perniagaannya.

PYL untuk loji atau jentera adalah nilai pasaran pada hari loji atau jentera berkenaan mula digunakan untuk perniagaan seseorang. Hanya ET layak dituntut ke atas loji atau jentera tersebut. EP tidak dibenarkan mengikut peruntukan perenggan 13A, Jadual 3, ACP.

Contoh 9

Emir Khan membeli sebuah komputer dalam tahun 2012 dengan harga RM5,000 untuk kegunaan peribadi di rumah. Pada 02.01.2014, komputer tersebut dipindahkan ke premis perniagaannya untuk kegunaan perniagaan tunggalnya, Kejuruteraan Cyber Enterprise. Nilai pasaran pada 02.01.2014 adalah RM3,000. Akaun syarikat ditutup pada 31 Disember.

PYL bagi tahun taksiran 2014 adalah pada nilai pasaran iaitu RM3,000.

Pengiraan elaun modal

Tahun Taksiran 2014	RM
PYL	3,000
ET (RM3,000 X 80%)	2,400

Perbelanjaan bakian	600
Tahun Taksiran 2015	
ET	600
Perbelanjaan bakian	0

- 5.4.2. Perenggan 2C Jadual 3 ACP terpakai apabila seseorang yang menggunakan loji atau jentera dalam perniagaannya di luar Malaysia dan kemudian memindahkan loji atau jentera tersebut ke Malaysia bagi tujuan perniagaannya di Malaysia.

Perpindahan loji atau jentera tersebut hendaklah hanya melibatkan cawangan atau ibu pejabat di Malaysia yang membawa masuk loji atau jentera dari ibu pejabat atau cawangan di luar Malaysia. Loji atau jentera itu mesti dimiliki oleh orang yang sama.

PYL untuk loji atau jentera adalah nilai pasaran atau nilai buku bersih yang mana lebih rendah, pada hari loji atau jentera berkenaan mula digunakan di Malaysia. Hanya ET layak dituntut ke atas loji atau jentera tersebut. Tuntutan EP tidak dibenarkan mengikut peruntukan perenggan 13A Jadual 3 ACP.

Seseorang tidak layak menuntut elaun modal ke atas loji atau jentera di bawah perenggan 2C Jadual 3 ACP jika perpindahan loji atau jentera berlaku dalam keadaan yang melibatkan entiti berlainan seperti berikut:

- (a) syarikat subsidiari di Malaysia membawa masuk loji atau jentera daripada syarikat induk yang bertempat di luar negeri;
- (b) syarikat induk di Malaysia membawa masuk loji atau jentera daripada syarikat subsidiari yang bertempat di luar negeri; dan
- (c) syarikat di Malaysia membawa masuk loji atau jentera daripada pihak ketiga yang bertempat di luar negeri.

Contoh 10

Super Sdn Bhd menjalankan perniagaan di luar Malaysia dan beribu pejabat di Perth, Australia. Pada 01.04.2014, dua buah jentera di Perth dipindahkan dan digunakan untuk perniagaan cawangannya di Malaysia. Akaun perniagaan disediakan untuk tempoh 31 Mac 2015.

Pada 01.04.2014, nilai buku bersih jentera berkenaan adalah RM600,000 manakala nilai pasaran adalah RM900,000.

PYL bagi jentera untuk tahun taksiran 2015 adalah pada nilai buku bersih iaitu RM 600,000.

Contoh 11

Akai Sdn Bhd (ASB) yang menjalankan perniagaannya di Malaysia, membawa masuk loji dan jentera yang diperolehi daripada syarikat induknya bertempat di Taiwan. ASB menuntut elaun modal ke atas aset tersebut yang dipindah tanpa apa-apa balasan. Nilai buku bersih bagi aset tersebut adalah RM200,000 manakala nilai pasaran adalah RM250,000.

Oleh kerana ASB adalah syarikat subsidiari di Malaysia (suatu entiti berlainan) yang memperolehi loji dan jentera daripada syarikat induknya di luar negara, ASB tidak layak untuk menuntut elaun modal ke atas loji dan jentera yang dipindahkan kepadanya.

5.5 Perkhidmatan Pemasangan Aset

Bayaran perkhidmatan pemasangan atau pengoperasian loji dan jentera kepada orang yang tidak bermastautin adalah sebahagian daripada perbelanjaan modal bagi loji dan jentera. Perbelanjaan modal tersebut layak bagi tuntutan elaun modal jika dua syarat berikut dipatuhi:

- (a) perkhidmatan pemasangan atau pengoperasian loji dan jentera dilaksanakan di Malaysia; dan
- (b) potongan cukai pegangan (jika ada) telah diremitkan kepada Ketua Pengarah.

Jika cukai pegangan tidak diremitkan kepada Ketua Pengarah, maka kos perkhidmatan itu tidak dibenarkan sebagai PYL. Walau bagaimanapun, jika cukai pegangan bagi perkhidmatan itu kemudiannya diremitkan kepada Ketua Pengarah, maka perbelanjaan itu akan diambil kira semula sebagai PYL untuk tuntutan elaun modal.

Contoh 12

Bristol Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di Amerika Syarikat, menjual 2 unit mesin kimpalan dengan harga RM500,000 kepada Teras Sdn Bhd (TSB), sebuah syarikat pengilang logam di Malaysia. TSB menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 01.12.2014, tambahan sebanyak RM125,000 dibayar kepada Bristol Ltd bagi perkhidmatan pemasangan dan

pengendalian mesin kimpalan tersebut di Malaysia. TSB meremittkan potongan cukai pegangan sebanyak RM12,500 iaitu pada kadar 10% ke atas bayaran perkhidmatan itu pada 15.12.2014.

Oleh kerana potongan cukai pegangan telah dibuat dan diremittkan kepada Ketua Pengarah, maka PYL ke atas mesin kimpalan bagi tuntutan elaun modal adalah berjumlah RM625,000.

Contoh 13

Fakta adalah sama seperti di Contoh 12 kecuali TSB gagal membuat potongan cukai pegangan dan tidak meremittkannya kepada Ketua Pengarah.

Oleh kerana cukai pegangan sebanyak RM12,500 tidak diremittkan sehingga 31.12.2014, maka perbelanjaan RM125,000 bagi perkhidmatan pemasangan dan pengendalian mesin kimpalan tidak dibenarkan sebagai PYL ke atas loji dan jentera. Oleh itu, PYL ke atas mesin kimpalan bagi tuntutan elaun modal bagi tahun taksiran 2014 adalah RM500,000.

Pengiraan elaun modal

Tahun Taksiran 2014	RM	RM
PYL		500,000
EP (RM500,000 X 20%)	100,000	
ET (RM500,000 X 14%)	70,000	170,000
Perbelanjaan bakian		330,000

Pada 02.01.2015, jumlah hutang yang perlu dibayar kepada Kerajaan sebanyak RM13,750* diremittkan kepada Ketua Pengarah, maka perbelanjaan sebanyak RM125,000 akan diambil kira sebagai PYL ke atas mesin kimpalan untuk tahun taksiran 2014. Oleh itu, PYL ke atas mesin kimpalan bagi tuntutan elaun modal untuk tahun taksiran 2014 dipinda kepada RM625,000.

Cukai pegangan yang perlu diremittkan kepada Ketua Pengarah	RM12,500
Kenaikan cukai kerana kelewatan meremittkan (10% x RM12,500)	RM 1,250
Jumlah hutang yang perlu dibayar kepada Kerajaan	<u>RM13,750*</u>

Pindaan pengiraan elaun modal

Tahun Taksiran 2014	RM	RM
PYL		625,000
EP (RM625,000 X 20%)	125,000	
ET (RM625,000 X 14%)	87,500	212,500
Perbelanjaan bakian		412,500
Tahun Taksiran 2015 - 2018		
ET (RM625,000 X 14%)	(87,500 X 4)	350,000
Perbelanjaan bakian		62,500
Tahun Taksiran 2019		
ET (terhad kepada)		62,500
Perbelanjaan bakian		0

5.6 Perbelanjaan Merungkai dan Mengalih Aset serta Memulihara Bekas Tapak

5.6.1 Perkataan yang digunakan dalam perenggan 5.6 ini mempunyai maksud berikut:

- (a) “Merungkai” bermaksud membuka bahagian aset kepada pecahan yang kecil.
- (b) “Mengalih” bermaksud memindahkan kedudukan aset.
- (c) “Memulihara” bermaksud membaik pulih atau mengembalikan sesuatu kepada keadaan asal.
- (d) “Dilupuskan” bermaksud aset dibuang atau dimusnah atau berhenti digunakan bagi tujuan perniagaan.
- (e) “Nilai sekerap” ditakrifkan sebagai anggaran nilai aset pada akhir hayat.

-
- 5.6.2 Seseorang yang melakukan perbelanjaan merungkai dan mengalih aset serta memulihara bekas tapak loji (perbelanjaan tersebut) adalah layak menuntut elaun modal ke atas perbelanjaan tersebut.
- 5.6.3 Perbelanjaan tersebut boleh ditambah kepada perbelanjaan bakian aset untuk tahun taksiran di mana aset dilupuskan.
- 5.6.4 Walau bagaimanapun, perbelanjaan tersebut hanya layak dibenarkan tuntutan sekiranya:
- (a) perbelanjaan tersebut dilakukan berkaitan dengan aset yang telah digunakan bagi tujuan perniagaan dan aset itu dilupuskan dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran;
 - (b) arahan merungkai dan mengalih aset serta memulihara bekas tapak loji adalah menurut tanggungjawab di bawah undang-undang bertulis atau perjanjian. Biasanya ia terpakai kepada penggunaan bahan atau kimia yang berbahaya kepada persekitaran; dan
 - (c) aset yang telah dirungkai dan dialih tidak digunakan semula dalam perniagaan lain orang itu atau perniagaan orang lain.
- 5.6.5 Nilai pelupusan bagi aset yang telah dirungkai dan dialih adalah nilai pasaran yang bersamaan dengan nilai sekerap aset pada tarikh pelupusan aset itu.

Contoh 14

Asbestos Industries Sdn Bhd (AISB) adalah syarikat pengilang asbestos di kawasan Kampung Bestari. AISB menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. AISB memulakan operasi pada Januari 2013 dan telah melakukan PYL berjumlah RM800,000 ke atas sebuah loji yang digunakan dalam perniagaan. Dalam surat kelulusan bagi pemasangan loji berkenaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) menetapkan bahawa AISB dikehendaki untuk memberhentikan operasi dan merungkai serta mengalih aset apabila menerima arahan untuk berbuat demikian. AISB perlu menanggung kos untuk merungkai dan mengalih serta memulihara bekas tapak. Tiada pampasan yang diterima berhubung dengan perbelanjaan loji itu.

Pada Mac 2015, AISB menerima notis daripada PBT untuk menghentikan pengilangan asbestos dan merungkai serta mengalihkan loji tersebut kerana kesan pencemaran yang kritikal di kawasan Kampung Bestari. AISB telah menghentikan pengilangannya sebaik sahaja menerima notis tersebut. AISB telah

membelanjakan RM200,000 untuk kerja merungkai dan mengalih loji serta memulihara bekas tapak loji yang selesai pada Disember 2015. Selepas dirungkai dan dialihkan, loji itu tidak digunakan semula dalam perniagaan lain AISB atau perniagaan orang lain.

AISB layak menuntut perbelanjaan merungkai dan mengalih loji serta memulihara bekas tapak sebagai suatu PYL yang boleh ditambah kepada perbelanjaan bakian loji untuk tahun taksiran 2015. Nilai sekerap bagi loji itu adalah 'tiada'.

Berikut adalah pengiraan elaun modal, perbelanjaan bakian loji dan pindaan pengiraan elaun imbangan bagi tahun taksiran 2013, 2014 dan 2015:

	RM	RM	RM Operasi dihentikan
PYL		800,000	
Tahun Taksiran 2013			
EP (RM800,000 x 20%)	160,000		
ET (RM800,000 x 20%)	160,000	320,000	
Perbelanjaan bakian		480,000	
Tahun Taksiran 2014			
ET (RM800,000 x 20%)		160,000	
Perbelanjaan bakian		320,000	320,000
Tahun Taksiran 2015			
Tambah: Perbelanjaan merungkai dan mengalih loji serta memulihara bekas tapak			200,000
Perbelanjaan bakian			520,000
Tolak: Nilai pelupusan (nilai skrap)			0

Elaun imbangan		520,000
----------------	--	---------

- 5.6.6 Sekiranya perbelanjaan merungkai dan mengalih aset serta memulihara bekas tapak itu dilakukan selepas tempoh asas bagi suatu tahun taksiran perniagaan ditamatkan atau dihentikan operasinya, maka perbelanjaan itu dianggap dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran perniagaan dihentikan.

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti di Contoh 14 kecuali merungkai dan mengalih aset serta memulihara bekas tapak hanya selesai pada Disember 2016.

Walaupun perbelanjaan yang dilakukan itu selesai pada tahun 2016, namun ia dianggap telah dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2015.

- 5.6.7 Jika perbelanjaan merungkai dan mengalih aset serta memulihara bekas tapak dibayar kepada orang yang tidak bermastautin, maka ia tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP. Sekiranya cukai pegangan ke atas bayaran yang dibuat kepada orang yang tidak bermastautin gagal dipotong dan tidak diremitkan kepada Ketua Pengarah, perbelanjaan tersebut tidak boleh ditambah kepada perbelanjaan bakian aset itu.
- 5.6.8 Walau bagaimanapun, jika cukai pegangan itu berserta amaun kenaikan yang dikenakan di bawah subseksyen 109B(2) ACP dibayar sepenuhnya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh asas berikutnya, perbelanjaan itu (kecuali amaun kenaikan) boleh ditambah kepada perbelanjaan bakian dalam tahun taksiran di mana aset itu dilupuskan.

Contoh 16

Fakta adalah sama seperti di Contoh 14 kecuali merungkai dan mengalih aset serta memulihara bekas tapak dilakukan oleh suatu syarikat kontraktor bermastautin di United Kingdom (UK). Pada Disember 2015, AISB membayar RM200,000 kepada kontraktor UK tetapi cukai pegangan gagal dipotong. AISB hanya membayar cukai pegangan itu berserta amaun kenaikan sepenuhnya kepada Ketua Pengarah pada Ogos 2016.

	RM	RM	RM Pengiraan cukai asal	RM Pindaan pengiraan cukai T/T2015 dalam tahun T/T2016
PYL		800,000		
Tahun Taksiran 2013				
EP (20%)	160,000			
ET (20%)	160,000	320,000		
Perbelanjaan bakian		480,000		
Tahun Taksiran 2014				
ET (20%)		160,000		
Perbelanjaan bakian		320,000	320,000	320,000
Tahun Taksiran 2015				
Tambah: Perbelanjaan merungkai dan mengalih loji serta memulihara bekas tapak			0 ²	200,000 ³
Perbelanjaan bakian			320,000	520,000
Tolak: Nilai pelupusan (nilai sekerap)			0	0
Elaun imbalan			320,000	520,000

²Perbelanjaan merungkai dan mengalih aset serta memulihara bekas tapak sebanyak RM200,000 tidak ditambah kepada perbelanjaan bakian loji kerana cukai pegangan tidak dipotong dan tidak diremit kepada Ketua Pengarah ke atas bayaran kepada kontraktor yang tidak bermastautin pada Disember 2015.

³Pindaan pengiraan perbelanjaan bakian loji bagi tahun taksiran 2015 dibuat dalam tahun taksiran 2016 dengan menambah perbelanjaan RM200,000 kepada perbelanjaan bakian loji selepas cukai pegangan diremitkan kepada Ketua Pengarah.

5.7 Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing

Perbezaan tukaran mata wang asing yang timbul daripada pinjaman asing bertujuan membiayai pembelian loji dan jentera untuk digunakan dalam perniagaan dan yang timbul daripada penyelesaian pinjaman asing tersebut akan dianggap sebagai PYL bagi tuntutan elaun modal yang dikira seperti berikut:

- (a) keuntungan pertukaran mata wang asing ditolak daripada perbelanjaan bakian; dan
- (b) kerugian pertukaran mata wang asing ditambah kepada perbelanjaan bakian;

Seseorang juga boleh memilih supaya keuntungan atau kerugian pertukaran mata wang asing yang ditolak atau ditambah daripada atau kepada kos asal aset.

Seseorang boleh mengemukakan pengiraan elaun modal yang dipinda bagi setiap tahun taksiran yang berkaitan kepada cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang menguruskan fail cukai pendapatannya. Pengiraan elaun modal ini hendaklah konsisten bagi setiap tahun taksiran.

Hanya keuntungan atau kerugian yang direalisasi akan diambil kira bagi tujuan menentukan PYL.

Tukaran mata wang asing bermaksud kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding mata wang selain daripada RM yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dari masa ke semasa berasaskan kadar yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia bagi tujuan mengurus dan mempertimbangkan urusan yang melibatkan mata wang asing.

Contoh 17

Daemun Engineering Sdn Bhd memesan sebuah mesin yang bernilai USD20,000 pada 21.02.2013 (Kadar 1USD=RM3.03). Mesin tersebut telah diterima pada 30.03.2013 dan digunakan dalam perniagaan. Pembayaran telah dibuat pada 10.01.2014 (Kadar 1USD=RM3.13) dan terdapat kenaikan dalam kadar tukaran mata wang asing pada tarikh tersebut. Pembayaran dibuat secara sekali gus. Tempoh kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember.

Pengiraan elaun modal bagi mesin:

Tahun Taksiran 2013	RM	Mesin (RM)	
PYL		60,600	(USD20,000 X RM3.03)
EP (20%)	12,120		
ET (14%)	8,484	20,604	
Perbelanjaan bakian		39,996	
Tambah: Kerugian tukaran mata wang asing (USD20,000 X RM3.13) – (USD20,000 X RM3.03) (RM62,600 ⁴ – RM60,600)		2,000	
Perbelanjaan bakian		41,996	
Tahun Taksiran 2014			
ET (14%) 14% x (RM60,600 + RM2,000)		8,764	
Perbelanjaan bakian		33,232	

⁴Amaun RM yang sebenar dibayar pada 10.01.2014 bagi memperolehi mesin tersebut.

Contoh 18

Fakta adalah sama seperti di Contoh 17 kecuali syarikat memilih supaya kerugian pertukaran mata wang asing tersebut ditambah kepada kos asal mesin.

Pengiraan elaun modal boleh dikira semula seperti berikut:

Tahun Taksiran 2013	RM	Mesin (RM)	
Kos mesin		62,600	<i>(RM60,600 + RM2,000)</i>
EP (20%)	12,520		
ET (14%)	8,764	21,284	
Perbelanjaan bakian		41,316	
Tahun Taksiran 2014			
ET (14%)		8,764	
Perbelanjaan bakian		32,552	

Contoh 19

Fakta adalah sama seperti di Contoh 17 kecuali terdapat penurunan pada kadar pertukaran mata wang asing pada tarikh pembayaran dibuat. Pembayaran dibuat pada 26.01.2014 (Kadar 1USD=RM3.00).

Pengiraan elaun modal bagi mesin:

Tahun Taksiran 2013	RM	Mesin (RM)	
Kos mesin		60,600	<i>(USD20,000 X RM3.03)</i>
EP (20%)	12,120		
ET (14%)	8,484	20,604	
Perbelanjaan bakian		39,996	
Tolak: Keuntungan tukaran mata wang asing <i>(USD20,000 X RM3.03) - (USD20,000 X RM3.00)</i> <i>(RM60,600 – RM60,000⁵)</i>		600	

Perbelanjaan bakian		39,396	
Tahun Taksiran 2014			
ET (14%)			
14% x (RM60,600 - RM600)		8,400	
Perbelanjaan bakian		30,996	

⁵Amaun RM yang sebenar dibayar pada 26.01.2014 bagi memperolehi mesin tersebut.

Contoh 20

Fakta adalah sama seperti di Contoh 19 kecuali syarikat memilih supaya keuntungan tukaran mata wang asing tersebut ditolak daripada kos asal mesin.

Pengiraan elaun modal boleh dikira semula seperti berikut:

Tahun Taksiran 2013	RM	Mesin (RM)	
Kos mesin		60,000	<i>(RM60,600 - RM600)</i>
EP (20%)	12,000		
ET (14%)	8,400	20,400	
Perbelanjaan bakian		39,600	
Tahun Taksiran 2014			
ET (14%)		8,400	
Perbelanjaan bakian		31,200	

Nota: Kadar pertukaran mata wang asing yang digunakan dalam Contoh 17, 18, 19 dan 20 adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

6. Orang yang Layak Menuntut Elaun Modal

- (a) Orang yang menjalankan suatu perniagaan dan melakukan perbelanjaan modal ke atas aset untuk perniagaan tersebut, dengan syarat orang itu adalah pemilik aset itu dan aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan tersebut pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan; dan
- (b) Orang yang menjalankan perniagaan penyewaan loji, dengan syarat orang itu adalah pemilik aset itu dan aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan tersebut pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan. Orang yang menyewa aset itu tidak layak menuntut elaun modal tetapi boleh menuntut perbelanjaan menyewa sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan perniagaannya.

Sila rujuk kepada KU No. 5/2014 bertajuk “Pemilikan Dan Penggunaan Aset Bagi Tujuan Tuntutan Elaun Modal”.

7. Bila Perbelanjaan yang Layak Dilakukan

Bagi aset yang dibeli selain daripada sewa beli, PYL telah dilakukan apabila loji atau jentera boleh digunakan bagi tujuan perniagaan. Elaun modal dikira atas keseluruhan kos loji atau jentera walaupun bayaran belum dibuat. Ini kerana obligasi atau liabiliti untuk membayar telah timbul apabila perjanjian untuk membeli telah ditandatangani.

Contoh 21

Tower Construction Sdn Bhd (TCSB) telah membeli aset berjumlah RM2,111,630 daripada pembekal pada 30.04.2014. TCSB telah menuntut kos aset sepenuhnya sebagai PYL dalam tahun taksiran 2014 walaupun tiada bayaran dilakukan bagi pembelian aset tersebut dan baki terhutang dalam lejer pembekal masih menunjukkan jumlah RM2,111,630.

TCSB layak menuntut elaun modal bagi tahun taksiran 2014 kerana PYL bagi aset tersebut adalah dilakukan dalam tahun aset tersebut boleh digunakan dalam perniagaan syarikat. Kos penuh aset adalah PYL bagi tujuan tuntutan elaun modal walaupun bayaran belum dibuat oleh syarikat.

8. Aset yang Mempunyai Jangka Hayat Kurang Daripada Dua (2) Tahun

Perbelanjaan yang dilakukan atas aset tersebut hendaklah dikendalikan atas asas penggantian. Ianya tidak disifatkan sebagai PYL (sila rujuk kepada perenggan 3.5 dalam KU ini) dan tidak layak menuntut elaun modal. Kos penggantian aset itu adalah dibenarkan sebagai perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah perenggan 33(1)(c) ACP dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan. Amaun

yang diperolehi dari pelupusan aset yang digantikan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan.

Nota :

- (i) Dalam pemakaian asas penggantian, kos asal atau kos pembelian pertama kali aset itu tidak dibenarkan potongan cukai.
- (ii) Penentuan jangka hayat sesuatu aset adalah berdasarkan kepada fakta bagi setiap kes dan orang yang ingin menuntut potongan cukai untuk aset itu bertanggungjawab terhadap penentuan jangka hayatnya.

9. Ringkasan Pindaan

KU ini diterbitkan untuk menggantikan KU berhubung dengan Pengiraan Elaun Permulaan dan Elaun Tahunan Bagi Loji dan Jentera (KU No.2/2001). Dengan penerbitan KU ini, Ketua Pengarah telah menyusun semula kandungan KU No.2/2001 yang akan menyentuh perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Loji Dan Jentera Yang Layak Bagi Tuntutan Elaun Modal (KU No. 12/2014); dan
- (ii) Perbelanjaan Yang Layak Dan Pengiraan Elaun Modal.

KU ini hanya berkaitan dengan Perbelanjaan yang Layak dan Pengiraan Elaun Modal.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**